

Sekapur Sireh

Presiden PPUMS Sesi 2011/2013



Bismillahir Rahmannir Rahim

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera**

Alhamsdilillah...bersyukur kita ke hadrat illahi kerana dengan limpah kurnia dan hidayahnya, buletin PPUMS Edisi Pertama ini telah berjaya diterbitkan. Setinggi-tinggi syabas dan tahniah saya ucapan kepada Sidang Redaksi kerana berjaya menerbitkan buletin ini.

Ini merupakan buletin pertama yang dikeluarkan oleh PPUMS sejak ditubuhkan pada tahun 2004. Saya amat berharap agar usaha dan kesungguhan seperti ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang agar

maklumat dan perkembangan yang dijalankan oleh PPUMS dapat disalurkan kepada semua warga UMS. Selaku Presiden, saya amat berbangga dengan komitmen yang telah diberikan oleh semua exco yang dilantik serta exco-exco yang pernah bersama-sama saya dalam menerajui persatuan ini. Sesungguhnya saya sentiasa mengharapkan agar sokongan dan kerjasama padu yang diberi tidak akan berakhir demi untuk memantapkan lagi persatuan ini.

Bagi menyahut cabaran masa kini yang memerlukan seseorang pemimpin yang sentiasa melakukan perubahan dan sentiasa mampu memikirkan idea-idea kreatif dan boleh membawa kepada inovasi dalam sesbuah organisasi, PPUMS sentiasa bersedia membantu pihak Universiti untuk melahirkan pemimpin-pemimpin minda kelas pertama. Sesungguhnya “*A Leadership Team Is More Effective Than Just One Leader*”.

Akhir sekali saya berharap agar warga UMS khususnya Pegawai-Pegawai Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) akan sentiasa bersatu padu dan mengembangkan tenaga yang ada ke arah kecemerlangan dan keharmonian Universiti yang kita sayangi. Kita mempunyai tanggungjawab yang besar dalam membantu ke arah memantapkan lagi Pengurusan Universiti yang sedia ada. Semoga PPUMS akan sentiasa maju ke hadapan selari dengan kemajuan yang sedang dikecapai oleh Negara kita pada masa ini. Terima kasih sekali lagi di atas sokongan yang tidak pernah berbelah bagi kepada saya dan tahniah kepada Sidang Redaksi di atas kejayaan menerbitkan buletin ini.

Sekian, Wassalam.

NO'MAN DATUK HAJI AHMAD